



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 4/2005
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dengan ini dimaklumkan bahawa mulai dari **1hb April 2005** semua permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk membawa kenderaan Kerajaan ke Temburong melalui Limbang atas urusan-urusan rasmi yang lazimnya dihadapkan kepada Jabatan Perdana Menteri hendaklah dihadapkan terus kepada Setiausaha Tetap Kementerian masing-masing untuk pertimbangan dan kebenaran.

Dalam memberikan kebenaran kepada Jabatan-Jabatan di bawah kawalan masing-masing, Setiausaha-Setiausaha Tetap hendaklah memastikan supaya Ketua-Ketua Jabatan akan sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:-

- i. Kenderaan yang digunakan hendaklah hanya dipandu oleh kakitangan yang berjawatan pemandu dan pemandu berkenaan hendaklah mempunyai lesen memandu yang sah;
- ii. Kenderaan berkenaan mestilah berkeadaan selamat dan mempunyai cukai jalan yang sah;
- iii. Kenderaan berkenaan hendaklah digunakan untuk urusan rasmi Kementerian/Jabatan sahaja; dan
- iv. Setiap pemandu kenderaan Kerajaan hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan setempat apabila melalui kawasan Limbang.

Bagi Jabatan yang tidak mempunyai kakitangan yang berjawatan pemandu, kebenaran bagi memandu kenderaan Kerajaan yang akan digunakan hendaklah terlebih dahulu diperolehi daripada Ketua Jabatan masing-masing. Kebenaran tersebut dan salinan lesen memandu yang sah hendaklah disertakan bersama permohonan bagi menggunakan kenderaan Kerajaan kepada Setiausaha Tetap untuk pertimbangan dan kebenaran.

Bagi permohonan untuk membawa kenderaan Kerajaan ke lain-lain tempat selain daripada tujuan di atas, Kementerian/Jabatan adalah masih diperlukan untuk menghadapkan permohonan ke Jabatan Perdana Menteri untuk pertimbangan dan kebenaran mengenainya. ٤



Adalah dihasratkan dengan adanya tatacara ini, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan akan dapat mengurus, mengawal dan memantau penggunaan kenderaan Kerajaan di bawah kawalan masing-masing dengan lebih teratur dan berkesan.

Adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana pihak yang membawa kenderaan Kerajaan keluar negeri tanpa mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak-pihak yang diberi kuasa.

Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan bilangan 16/1974 bertarikh 20 Mac 1974 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

والسلام

[PG DATO PADUKA HAJI ABD HAMID BIN PG HAJI MOHD YASSIN]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan BA 1000,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Ruj : (4)JPM/SK/2005

Tarikh: 13 Safar 1426
24 Mac 2005